



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-11 TAHUN 2023

PUTRAJAYA, 16 MAC 2023 – Majlis Konvokesyen Pertanian kali ke-11 telah dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Sabu di Putrajaya International Convention Centre (PICC), hari ini.

Seramai 629 orang graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang ditawarkan di bawah kementerian seperti pecahan berikut, 101 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 307 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), 156 orang graduan Sijil Pertanian, 45 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 20 orang graduan Sijil Perikanan.

Kementerian berperanan penting dalam mentransformasi sektor pertanian ke arah yang lebih moden, dinamik dan kompetitif dengan melatih lebih banyak tenaga kerja berkemahiran sebagai pengusaha pertanian bertaraf komersil dan berskala besar melalui program persijilan latihan yang disediakan. Ini selari dengan komitmen kementerian dalam membangunkan sektor agromakanan berteraskan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) bagi membangun bakat yang memenuhi keperluan industri selain menjadikan sektor pertanian sebagai satu pilihan kerjaya.

Pemeriksaan modal insan dalam sektor agromakanan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan jangka panjang kerana ia mampu meningkatkan produktiviti dan kecekapan industri, menjana hasil dan memperoleh pendapatan yang tinggi. Pelaksanaan program-program latihan yang berkualiti oleh Kementerian mampu melahirkan graduan yang berdaya saing serta mampu berhadapan pelbagai cabaran dalam industri agromakanan negara.

Kementerian menetapkan lima Halatuju dan Fokus Utama bagi tahun 2023, antaranya adalah memperkasakan Institut Latihan Pertanian dengan matlamat untuk melahirkan graduan berkualiti tinggi dalam bidang teknologi pertanian, penyelidikan dan pembangunan serta pertanian moden dan pintar selaras dengan hasrat negara dalam membentuk pekerja mahir pertanian. Hasrat ini dapat dicapai dengan mengoptima penggunaan teknologi moden dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan graduan agropreneur selain disokong dengan kelengkapan infrastruktur dan fasiliti yang dapat memenuhi keperluan pelatih juga tenaga pengajar.

Pada masa yang sama kementerian juga berharap agar para graduan sentiasa merebut peluang dalam industri ini bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan atau menjadi usahawan dalam bidang agromakanan. Dalam usaha negara menerajui Malaysia Madani, para graduan perlu bersedia untuk menghayati enam rukun yang telah digariskan untuk Malaysia menuju sebagai sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

Di majlis tersebut seramai enam orang graduan yang dipilih berdasarkan kecemerlangan dan keusahawanan akan dicalonkan untuk menerima lapan penganugerahan khas iaitu Anugerah Khas Pingat Emas Menteri, Anugerah Khas Ketua Setiausaha, Anugerah Khas Graduan Keusahawanan AGROBANK, Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian, Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan, Anugerah Khas Pengarah BPKLP dan Anugerah Khas Pengurus Besar MADA.

Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang ditawarkan oleh Kementerian merupakan latihan berasaskan kompetensi kemahiran dan memfokuskan kepada kemahiran teknikal dalam sesuatu bidang. Bidang pengajian yang ditawarkan adalah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM).

Sehingga kini, terdapat 15 pusat bertauliah di seluruh Malaysia yang menjalankan program PLKPK dengan sepuluh pilihan bidang pengajian. Bidang-bidang pengajian yang ditawarkan adalah Tanaman, Ternakan Ruminan, Ternakan Poltri, Pengeluaran Padi, Akuakultur Marin, Akuakultur Air Tawar, Pengeluaran Makanan (Pemprosesan), Pemasaran, Teknologi Perikanan Tangkapan dan Penyenggaraan Jentera Pertanian. Persijilan lain yang turut ditawarkan adalah Sijil Pertanian, Sijil Perkhidmatan Veterinar dan Sijil Perikanan. Permohonan untuk mengikuti program PLKPK perlulah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Pembelajaran adalah secara percuma dengan elaun bulanan, penginapan, dan makan minum ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Sempena majlis ini, kementerian turut mengadakan beberapa program sampingan antaranya Program Padanan Kerjaya bersama syarikat berkaitan bidang agromakanan, taklimat berkaitan pembiayaan daripada AGROBANK dan taklimat berkaitan teknologi moden dalam bidang pertanian daripada MDEC.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
16 MAC 2023